



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MEMPERKASA GOLONGAN MUDA UNTUK MEMBENTUK KELUARGA YANG MEREKA INGINKAN DALAM DUNIA YANG ADIL DAN PENUH HARAPAN

KUALA LUMPUR, 11 JULAI 2025 - 11 Julai setiap tahun merupakan Hari Penduduk Sedunia dan sambutan tahun 2025 mengetengahkan tema “**Memperkasa golongan muda untuk membentuk keluarga yang mereka inginkan dalam dunia yang adil dan penuh harapan**”.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), menzahirkan komitmen untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kependudukan yang semakin mencabar, termasuk hak kesihatan reproduktif, perubahan demografi, kesejahteraan keluarga dan pembangunan mampan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri** menyatakan bahawa suara anak muda perlu didengar. Menurutnya, ramai anak muda masih ingin berkahwin dan membina keluarga tetapi terhalang oleh faktor seperti kos sara hidup, pekerjaan tidak stabil, kekurangan akses penjagaan anak dan kebimbangan terhadap masa depan. Maka, penyelesaian yang diperlukan ialah ekosistem yang menyokong, bukan sekadar seruan untuk berkeluarga dengan segera.

Isu kependudukan hari ini adalah **krisis semasa** yang menuntut **tindakan dasar yang inklusif dan progresif**. Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) negara kini ialah **1.7 anak**, jauh di bawah paras penggantian 2.1 anak. Malaysia juga mencatatkan penurunan kelahiran sebanyak **lebih 11%** pada suku pertama tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya.

KPWKM dan LPPKN kini memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi yang menyeluruh khusus untuk golongan muda seperti subsidi Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI) kepada 1,300 pasangan suami isteri yang layak, penjagaan anak serta kemudahan cuti ibu bapa yang lebih fleksibel bagi meringankan beban mereka dalam merancang dan memulakan kehidupan berkeluarga

Bersempena sambutan tahun ini, KPWKM melalui LPPKN, dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Universiti Malaya (UM) dan United Nations Population Fund (UNFPA) akan menganjurkan acara kemuncak sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 pada **21 Julai 2025 (Isnin) bertempat di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.**

Uniknya, **sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 turut diperluas ke peringkat negeri** sepanjang bulan Julai dan Ogos melalui penganjuran seminar-seminar bertemakan kependudukan dan keluarga yang akan digerakkan oleh pejabat negeri LPPKN bersama rakan strategik di seluruh negara.

Maklumat lanjut berkaitan sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 boleh diperoleh melalui laman web rasmi LPPKN di: www.lppkn.gov.my dan hab penyelidikan kependudukan dan keluarga <https://mprh.lppkn.gov.my/>

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
11 JULAI 2025**